

# Graduan UNISSA diraikan

Oleh Syahmi Hassan

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Okt - Para graduan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) diraikan dalam Majlis Malam Graduan sempena Hafiz Al-Takharruj ke-7 UNISSA di Dewan Serambi Suluh, Tarindak D' seni, Bandar Seri Begawan malam ini.

Hadir pada majlis itu dan menyempurnakan penyampaian pingat dan hadiah-hadiah Buku Universiti kepada 47 orang penerimaialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Suyoi bin Haji Osman.

Pada majlis itu juga, UNISSA mengorak langkah mencapai kecemerlangan dalam bidang pengajaran dan penyelidikan melalui penandatangan lima memorandum persefahaman (MoU) dan satu memorandum perjanjian (MoA) dengan enam buah institusi pendidikan.

Penandatangan MoU

termasuklah di antara UNISSA dengan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, University of Holy Quran and Islamic Sciences Sudan, Universitas Ibnu Khaldun Bogor, Indonesia, Osaka University, Jepun, Universitas Islam Negeri Sharif Hidayatullah Jakarta (pembaharuan MoU) dan MoA dengan Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia.

Menandatangi bagi pihak UNISSA ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal disaksikan oleh Yang Berhormat Pehin Haji Suyoi, manakala menandatangi bagi institusi pendidikan yang terbabit ialah ketua atau wakil masing-masing.

Penandatanganan MoU dan MoA tersebut adalah selaras dengan usaha UNISSA untuk memperkenalkan kepada dunia luar tentang kewujudan universiti Islam yang unggul di negara

ini sekali gus melonjakkan reputasi serta kedudukannya dalam arena pendidikan dalam dunia global.

Dalam pada itu, graduan UNISSA yang diraikan pada majlis itu diseru mengembangkan kapasiti diri meskipun sudah memiliki ijazah kerana persaingan dalam dunia pekerjaan amatlah sengit pada ketika ini.

Seruan itu dibuat oleh Penolong Rektor UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmad, selaku Pengurus Jawatankuasa Kerja Majlis Malam Graduan sempena Hafiz Al-Takharruj ke-7 UNISSA dalam ucapan alu-aluannya pada majlis itu.

Beliau juga berharap graduan UNISSA sentiasa optimis apabila berhadapan cabaran getir dan mampu menanganinya dengan sewajarnya serta menganggap segala cabaran sebagai pendorong untuk lebih maju dan tidak mendepaninya dengan sikap pesimis, tambahnya.



Salah seorang graduan menerima hadiah Buku Universiti daripada Yang Berhormat Pehin Haji Suyoi.



Antara pelajar yang diraikan pada majlis itu.

## Mohon keberkatan sebelum Peperiksaan PSR

Oleh Normazlina M.D

TUTONG, 16 Okt - Bagi memohon keberkatan ketika menduduki Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) nanti, Sekolah Rendah Danau telah mengadakan Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Membaca Yasin, Doa Selamat dan seterusnya mengadakan Majlis Restu dan Izin Ilmu bagi murid-murid Tahun 6 di dewan dan bilik Persidangan sekolah berkenaan.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat, Membaca Yasin dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Bilal Masjid Kampung Danau, Awang Jamalulhair bin Mohin.

Acara kemudian diteruskan dengan ucapan ringkas daripada Guru Besar sekolah berkenaan, Dayang Zirwatul Yusrani binti Haji Awang Besar yang antara lain menyatakan agar ibu bapa dan penjaga pelajar akan dapat

melaksanakan peranan masing-masing dengan penuh komited.

Beliau menambah, melalui usaha tersebut beliau percaya, kejayaan dan kecemerlangan pelajar pasti dapat direalisasikan dengan usaha sama yang giat dan padu melalui keprihatinan dari semua pihak terlibat.

Dayang Zirwatul Yusrani juga berharap agar pelajar-pelajar Tahun 6 akan mendapat keberkatan, lebih bersemangat dan mempunyai kekuatan dalam diri semasa menghadapi Peperiksaan PSR itu nanti.

Seramai 14 orang pelajar Tahun 6 akan menduduki Peperiksaan PSR di sekolah berkenaan yang akan diadakan pada 21 Oktober sehingga 30 Oktober.

Majlis seterusnya diikuti dengan ucapan restu dan Izin Ilmu yang disampaikan oleh wakil guru-guru Tahun 6, Dayang Izyan Izawani binti Ismail dan

menyaksikan video klip yang memaparkan inisiatif Sekolah Rendah Danau bagi mencapai sasaran 90 peratus Gred 'A' hingga Gred 'C' PSR 2017.

Majlis kemudiannya mengadakan acara bersalam-salam antara pelajar-pelajar Tahun 6, guru besar dan guru-guru, diikuti dengan menyediakan kelengkapan untuk persiapan PSR 2017 dan aktiviti coretan harapan dan aspirasi untuk 'Anakku Sayang'.

Adapun majlis ini diadakan adalah untuk menyemai rasa tanggungjawab sebagai seorang pelajar dengan nilai budi dan sikap sentiasa menghormati, menghargai, bersyukur dan berterima kasih kepada guru-guru yang telah mendidik mereka di samping dapat meningkatkan semangat, motivasi dan keyakinan pelajar Tahun 6 dalam menghadapi Peperiksaan PSR 2017 itu nanti.



Majlis Restu dan Izin Ilmu turut diisi dengan sesi bersalam-salam antara pelajar-pelajar Tahun 6, Guru Besar dan guru-guru.



Pertukaran dokumen MoU dengan salah sebuah institusi pengajian.

## Solat sunat menjelang PSR



Antara pelajar yang menyertai majlis solat sunat berjemaah tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Okt - Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Tanah Jambu dengan kerjasama Sekolah Rendah Tanah Jambu, Kluster 4 hari ini mengadakan majlis solat sunat berjemaah bagi murid-murid Tahun 6 menjelang Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) di Masjid Kampung Tanah Jambu.

Solat sunat dan bacaan Surah Yasin diimamkan oleh Imam Masjid Kampung Tanah Jambu, Pengiran Haji Mat Dani bin Haji Abu Bakar, guru-guru, ibu bapa dan penjaga serta murid-murid yang bakal menduduki Peperiksaan PSR minggu depan.

- Sahama

Taubat, Dhuhra dan Hajat.

Majlis tersebut diadakan bagi memohon keberkatan dan petunjuk daripada Allah SWT supaya murid-murid diberi kemudahan bagi menjawab soalan peperiksaan nanti dan mempeolehi keputusan yang cemerlang.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Guru Besar Sekolah Rendah Tanah Jambu, Haji Mat Dani bin Haji Abu Bakar, guru-guru, ibu bapa dan penjaga serta murid-murid yang bakal menduduki Peperiksaan PSR minggu depan.

- Sahama